



SIARAN AKHBAR

INDEKS SENTIMEN PERNIAGAAN (BUSINESS SENTIMENT INDEX) NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI MAC 2026

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah menerbitkan Indeks Sentimen Perniagaan ataupun Business Sentiment Index (BSI) Negara Brunei Darussalam bagi Mac 2026. Indeks ini adalah berdasarkan kaji selidik bulanan yang melibatkan kira-kira 500 perniagaan bersaiz mikro, kecil, sederhana, dan besar daripada 11 sektor ekonomi di seluruh negara.
2. BSI bertujuan untuk mengukur tahap sentimen/keyakinan perniagaan di Negara Brunei Darussalam yang merangkumi pelbagai aspek termasuk keadaan semasa dan jangkaan ke hadapan bagi iklim perniagaan, pelaburan, pengambilan pekerja, dan kos menjalankan perniagaan. Memandangkan BSI menggunakan pendekatan berpandangan ke hadapan, indeks ini boleh digunakan sebagai salah satu penunjuk awal keadaan makroekonomi negara.
3. Sejak pelancarannya pada Ogos 2020, BDCB telah menyemak metodologi BSI bagi meningkatkan keteguhan, konsistensi dan nilai analisis indeks. Walaupun skala BSI adalah 0 hingga 100 di bawah metodologi sebelumnya, formula pengiraan yang digunakan hanya menghasilkan nilai indeks antara 49.0 dan 51.0. Dengan pengemaskinian ini, metodologi BSI membolehkan penggunaan skala 0.0 hingga 100.0 sepenuhnya, dengan tahap neutral kekal pada 50.0. Perubahan ini seterusnya meningkatkan sensitiviti indeks, sekali gus membolehkan tafsiran yang lebih jelas dan tepat terhadap perubahan indeks.
4. Pengemaskinian ini tidak menjejaskan tafsiran ekonomi bagi hasil terdahulu, memandangkan sentimen asas yang diukur oleh indeks tersebut kekal tidak berubah. Bagi memastikan konsistensi dan kebolehbandingan, data BSI terdahulu telah dikira semula menggunakan metodologi baharu dan diterbitkan dalam Buletin Statistik yang terdapat di laman web BDCB.

5. Keterangan indeks adalah seperti berikut:

Nilai BSI	Ulasan
Atas 50	Keadaan yang lebih baik / Sentimen lebih optimistik berbanding dengan bulan sebelumnya.
50	Keadaan lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya.
Bawah 50	Keadaan yang merosot / Sentimen lebih pesimistik berbanding dengan bulan sebelumnya.

6. Indeks utama BSI, iaitu Sub-indeks Keadaan Perniagaan, meningkat kepada 76.2 pada Mac 2026 daripada 42.4 pada Februari 2026, mencerminkan penambahbaikan sentimen perniagaan yang sangat

ketara secara keseluruhan. Ini terutamanya didorong oleh peningkatan jualan dan aktiviti pelanggan, perbelanjaan bermusim sempena perayaan dan waktu bekerja yang lebih panjang berbanding bulan sebelumnya. Walau bagaimanapun, sebahagian daripada sentimen optimistik ini diimbangi oleh perniagaan yang melaporkan pandangan yang lebih pesimistik berikutan penangguhan projek, serta peningkatan kos berkaitan gangguan logistik dan harga bahan-bahan yang lebih tinggi. Indeks bagi satu bulan ke hadapan berada pada 52.6, menandakan tahap keyakinan positif bagi April 2026. Perniagaan menjangkakan pengembalian semula aktiviti seperti biasa dan peningkatan permintaan secara beransur-ansur akan menyokong keadaan perniagaan. Namun, prospek perniagaan kekal konservatif memandangkan sesetengah perniagaan menjangkakan kelembapan selepas musim perayaan, sekali gus menyebabkan tahap keyakinan yang lebih rendah berbanding bulan sebelumnya.

7. Sub-indeks Pelaburan menunjukkan momentum positif, dengan indeks bulan semasa pada 79.9 dan indeks satu bulan ke hadapan pada 79.4. Ini sebahagian besarnya dikaitkan dengan persediaan untuk meningkatkan tahap pelaburan bagi menyokong projek yang sedang berjalan, penaiktarafan secara berkala, dan penambahan inventori. Sementara itu, indeks sentimen tiga bulan ke hadapan menurun kepada 67.8, menunjukkan pertumbuhan pelaburan yang sederhana, disokong oleh permulaan projek baharu, pelan pengembangan perniagaan, kerja-kerja pengubahsuaian, dan penambahbaikan kemudahan.
8. Sub-indeks Pekerjaan berada pada tahap 43.6 bagi bulan semasa dan 47.5 bagi bulan akan datang, mencerminkan sentimen yang pesimistik. Kebanyakan perniagaan melaporkan mengekalkan jumlah pekerja yang sedia ada, sementara sebilangan kecil melaporkan pengurangan tenaga kerja secara semula jadi (natural attrition) atau disebabkan oleh penamatan kontrak dan projek.
9. Sub-indeks Kos Perniagaan berada pada tahap 79.5 bagi bulan Mac 2026, menunjukkan kos yang masih tinggi berbanding bulan sebelumnya. Ini sebahagian besarnya disebabkan oleh perbelanjaan bahan yang lebih tinggi, bayaran kerja lebih masa, perbelanjaan berkaitan musim perayaan, serta peningkatan kos logistik. Beberapa responden turut mengaitkan peningkatan ini kepada penghantaran dan harga bahan mentah berpunca daripada perkembangan global, termasuk konflik di Asia Barat. Sub-indeks kos satu bulan ke hadapan mencatatkan penurunan sederhana kepada 50.4, menunjukkan tekanan kos dijangka berkurangan sedikit. Walaupun sesetengah pihak masih mengunjurkan harga bahan yang tinggi dan peningkatan aktiviti operasi, kebanyakan perniagaan menjangkakan kos akan kembali normal selepas musim perayaan.

BSI Mac 2026	
Keadaan Perniagaan	76.2
Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan	52.6
Pelaburan	79.9
Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan	79.4
Pelaburan Tiga Bulan ke Hadapan	67.8
Pengambilan Pekerja	43.6
Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan	47.5
Kos Perniagaan	79.5
Kos Satu Bulan ke Hadapan	50.4

10. Dari segi sektor ekonomi:

	Sektor	Indeks	Disebabkan oleh
Sentimen Optimistik	Minyak & Gas dan Yang Berkaitan	87.9	Keadaan cuaca yang lebih baik membolehkan permulaan semula operasi luar pesisir (offshore) manakala waktu bekerja yang lebih panjang meningkatkan kapasiti operasi. Di samping itu, ketegangan di Asia Barat dijangka mengetatkan bekalan minyak mentah serantau sekali gus meningkatkan harga dan margin produk.
	Pengangkutan & Komunikasi	70.6	Perniagaan mengongsikan peningkatan jumlah penghantaran dan pesanan sepanjang bulan Ramadhan, manakala musim Hari Raya Aidilfitri dan cuti persekolahan telah mendorong permintaan bagi perkhidmatan perjalanan dan komunikasi.
	Pertanian, Perhutanan, Perikanan & Ternakan	69.4	Peningkatan permintaan makanan semasa musim perayaan, penyambungan semula operasi, serta keadaan cuaca yang menggalakkan telah menyokong hasil pengeluaran.
	Perkhidmatan Swasta Lain	67.3	Permintaan yang lebih tinggi bagi pelancongan, dobi layan diri, fotografi, dan pemeriksaan kenderaan, dengan operasi yang kembali normal selepas bulan Februari dan pemerolehan projek baharu.
	Perdagangan Borong & Runcit	66.9	Permintaan perbelanjaan pengguna yang tinggi bagi pakaian, makanan, kosmetik dan kelengkapan rumah, disokong oleh promosi musim perayaan dan hari bekerja yang kembali normal selepas bulan Februari yang pendek.
	Pembinaan	65.0	Pemerolehan projek baharu, pembayaran invois, serta keadaan cuaca yang lebih baik selepas musim hujan membolehkan penyambungan semula kerja-kerja luar/luar pesisir.

	Hartanah & Pemilikan Kediamaan	54.0	Peningkatan kunjungan pelanggan dan aktiviti jualan berkaitan bazar Ramadhan dan persiapan bagi Hari Raya Aidilfitri, di samping penerimaan pembayaran sewa dan penjualan hartanah.
	Pembuatan	52.5	Permintaan yang lebih tinggi bagi menempah pakaian, makanan dan pengubahsuaian rumah, di samping hari bekerja yang kembali normal selepas bulan Februari dan pelaksanaan projek baharu.
	Kewangan & Insurans	52.0	Waktu bekerja yang lebih panjang menyokong peningkatan aktiviti perniagaan, sementara pembaharuan insurans dan inisiatif dalaman yang menyumbangkan kepada prestasi lebih baik bagi sesetengah perniagaan.
Sentimen Pesimistik	Hotel & Restoran	36.5	Kadar penginapan hotel dan aktiviti makan di premis menurun sepanjang bulan Ramadhan.
	Kesihatan & Pendidikan	17.5	Bilangan pelanggan yang rendah dan penurunan aktiviti perniagaan.

11. Dari segi saiz perniagaan:

	Saiz	Indeks	Disebabkan oleh
Sentimen Optimisitik	Besar	76.6	Permintaan pelanggan meningkat semasa musim perayaan, normalisasi aktiviti perniagaan yang kembali normal selepas bulan Februari yang lebih pendek, keadaan cuaca yang lebih baik selepas musim hujan membolehkan penyambungan semula aktiviti luar pesisir, dan harga minyak yang lebih tinggi telah menyumbang kepada prestasi yang lebih baik, khususnya perniagaan dalam sektor Minyak & Gas dan Yang Berkaitan.
	Kecil	67.4	Peningkatan permintaan pengguna terhadap pakaian, makanan dan perkhidmatan penyelenggaraan rumah, di samping penerimaan pembayaran invois dan projek-projek baharu.
	Mikro	63.0	Perbelanjaan berkaitan musim perayaan bagi pakaian, kosmetik, makanan dan pembaikan rumah, dan pemerolehan projek baharu.

	Sederhana	60.1	Peningkatan perbelanjaan dalam sektor runcit, perabot dan pengubahsuaian rumah, disokong oleh promosi musim perayaan serta hari bekerja yang kembali normal selepas bulan Februari, telah menyumbang kepada sentimen perniagaan yang positif.
--	-----------	------	---

12. Carta BSI dan sub-indeks sejak Ogos 2020 adalah seperti di LAMPIRAN 1. Untuk mendapatkan maklumat lebih terperinci mengenai BSI, orang ramai boleh merujuk kepada nota teknikal mengenai metodologi dan statistik di laman web BDCB di www.bdcg.gov.bn. Orang ramai juga boleh mengikuti perkembangan BSI melalui siaran akhbar yang akan datang dan akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.


Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 5 Zulhijjah 1447H / 22 Mei 2026M

Ruj: BDCB/COMMS/3


LAMPIRAN 1

Keadaan Perniagaan



Nota: Bagi Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan keadaan perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini. Bagi Keadaan Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik /sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot /sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.

Pelaburan




Nota: Bagi Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini manakala Pelaburan Tiga Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan tiga bulan ke hadapan berbanding bulan kaji selidik dikendalikan.

Bagi Pelaburan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan pelaburan berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan pelaburan berbanding bulan sebelumnya.



Nota: Bagi Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pengambilan pekerja satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.


Bagi Pengambilan Pekerja, indeks yang melebihi 50 menunjukkan penambahan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan lebih kurang sama /tiada perubahan ke atas jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya



Nota: Bagi Kos Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan kos perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini. Bagi Kos Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan kos.

Indeks pada paras 50 menunjukkan kos yang lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan penurunan kos.

BSI mengikut sektor ekonomi bagi Ogos 2020 hingga Mac 2026



Nota: Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.

